

29/08/1997

Tangani isu pakaian atlit secara rasional

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua pihak termasuk pihak berkuasa agama negeri diminta berfikiran rasional dalam menangani isu pakaian atlit beragama Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata ia penting supaya perkara itu dapat dibincangkan dengan teliti oleh Jawatankuasa Khas Penyelarasan Syariah dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut membincangkan penyeragaman pentadbiran syariah antara negeri.

Semalam jemaah Menteri meminta masyarakat bertenang dan berfikiran terbuka dalam menangani isu itu bagi membolehkan suatu peraturan dikeluarkan diterima baik oleh masyarakat.

"Dalam aspek pakaian sukan, jawatankuasa itu juga akan memanggil badan sukan untuk membincangkan isu berkenaan dengan teliti.

"Kita akan selesaikannya dengan baik terutama dalam keadaan negara yang akan menganjurkan Sukan Komanwel," katanya selepas penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pelancaran logo baru Lembaga Tabung Haji (LTH) di sini hari ini. Turut hadir, Pengerusi LTH, Datuk Ahmad Razali Ali.

Mengenai larangan Jabatan Agama Islam Sarawak membenarkan atlit Islam menyertai bina badan, beliau berkata, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, sedang menangani soal itu.

(END)